



18 JUL, 2024

Daun ketum lebih RM100,000 dirampas

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Daun ketum lebih RM100,000 dirampas

Machang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas daun ketum seberat 500 kilogram serta 10 periuk besar berisi daun ketum bernilai lebih RM100,000 di sebuah bangsal di Kampung Pek, di sini, kelmarin.

Serbuan dilakukan kira-kira jam 1.30 tengah hari selepas melakukan intipan selama sebulan ke atas pusat memproses daun ketum dipercayai terbesar di negeri ini.

Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, bekalan daun ketum berkenaan diproses dan kemudiannya disimpan di kawasan terpencil di atas bukit.

Menurutnya, air ketum

yang sudah siap diproses akan dibungkus sebelum dijual termasuk ke daerah lain yang berdekatan.

“Ketika serbuan, kita menemui buku catatan jualan di mana tertulis hasil yang diperolehi sekitar RM100 sehari pada Januari dan permintaan terus meningkat sehingga RM5,000 sehari.

“Turut dirampas adalah lima motosikal yang digunakan untuk keluar masuk ke lokasi sejauh 500 meter dari jalan utama selain alat-alat memproses ketum termasuk tong gas,” katanya.

Katanya, tiada tangkapan dilakukan kerana suspek dipercayai melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa.



PERIUK besar berisi daun ketum yang dirampas di sebuah bangsal di Kampung Pek.



18 JUL, 2024

Daun ketum lebih RM100,000 dirampas

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Machang : Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas daun ketum seberat 500 kilogram serta 10 periuk besar berisi daun ketum bernilai lebih RM100,000 di sebuah bangsal di Kampung Pek, di sini, kelmarin. Serbuan dilakukan kira-kira jam 1.30 tengah hari selepas melakukan intipan selama sebulan ke atas pusat memproses daun ketum dipercayai terbesar di negeri ini.